

Penggunaan Portal SLS Dalam Kemahiran Menulis Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri

Suriani Abdul Bakri

suriani_abdul_bakri@schools.gov.sg

Majidah Ramli

majidah_ramli@schools.gov.sg

Sekolah Rendah West View

Abstrak

Dalam penulisan karangan berdasarkan gambar bersiri, ramai murid tidak dapat menjana idea menulis karangan yang padat dan menarik. Perkara ini menjadikan markah yang diperoleh. Kajian tindakan ini bertujuan untuk membantu murid menjana idea dengan baik dalam penulisan karangan mereka. Stesen Pembelajaran dan portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS), memberi murid berpeluang mengumpul idea dalam penulisan karangan. Teknik penggunaan Stesen Pembelajaran melibatkan murid dalam pembelajaran secara aktif dan membina konsep berdasarkan pengalaman mereka sendiri. Penggunaan portal SLS pula dapat menjana idea secara berkolaborasi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa murid menunjukkan minat dalam penulisan karangan dan berjaya menjana idea dalam kemahiran menulis karangan.

Kata Kunci: karangan, idea, stesen pembelajaran, SLS

PENGENALAN


Kertas kajian ini memberi tumpuan terhadap penjanaan idea dalam karangan yang merupakan komponen penting dalam sesebuah penulisan. Cosgrove (1992) menerangkan bahawa pembelajaran berlaku apabila murid dapat mengukuhkan kemahiran dalam konteks sosial yang menarik, bermakna dan relevan. Disebabkan inilah, Stesen Pembelajaran membolehkan murid memperluaskan pembelajaran mereka. Stesen Pembelajaran, memberi murid peluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang mencabar minda dan merangsang rasa ingin tahu mereka untuk belajar dalam persekitaran koperatif.

Kertas kajian ini meneliti keberkesanannya penggunaan Stesen Pembelajaran dalam menangani masalah penulisan karangan yang kurang bermutu dari segi idea. Aktiviti-aktiviti menarik, bermakna dan relevan telah disediakan dalam setiap Stesen Pembelajaran untuk membantu murid menjana idea. Guru juga memanfaatkan portal SLS untuk pelajar berkongsi idea mereka. Dengan penggunaan platform SLS, murid dapat mengumpulkan idea-idea rakan sekaligus memberi maklum balas kepada rakan-rakan mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini telah dirancang dan dilaksanakan untuk mempertingkatkan proses pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) penulisan karangan. Melalui penggunaan Stesen Pembelajaran dan SLS, murid diharapkan dapat menjana idea dalam penulisan mereka dengan menggunakan kata adjektif, kosa kata yang relevan dan peribahasa yang telah dipelajari bersesuaian dengan konteks tajuk serta gambar karangan yang diberikan. Lembaran kerja juga telah diberikan kepada murid bagi membantu mereka menghasilkan karangan yang lebih bermutu.

Namun, adakalanya guru mendapati murid tidak memanfaatkan bahan-bahan rujukan yang telah diberikan dan perbincangan yang telah dijalankan melalui portal SLS. Penggunaan kosa kata dalam penulisan karangan murid



secara amnya masih terhad dan kurang menarik. Guru juga menghadapi cabaran untuk melakukan usaha intervensi awal sewaktu proses penulisan kerana tidak dapat memberi tumpuan khas terhadap setiap individu. Guru hanya dapat memberi maklum balas kepada murid sewaktu menyemak dan menilai karangan mereka. Selain itu, walaupun murid dapat menggunakan kata adjektif, kosa kata atau peribahasa yang dipelajari dalam karangan mereka, kadangkala penggunaannya tidak sesuai dari segi konteks.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menggalakkan murid menjana idea dalam penulisan dengan menggunakan kata adjektif, kosa kata yang relevan, peribahasa yang sesuai serta pembinaan plot yang menarik;
2. menilai keberkesanan Stesen Pembelajaran bagi membantu murid menjana idea dalam penulisan mereka; dan
3. menilai keberkesanan portal SLS bagi melibatkan interaksi antara murid untuk menjana idea dalam proses penulisan mereka.

KAJIAN LEPAS

Pellegrino (2007) dalam kajiannya mengatakan bahawa untuk memastikan setiap murid berjaya meraih pengalaman pembelajaran yang ideal di Stesen Pembelajaran, aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam Stesen Pembelajaran haruslah dibezakan dan disesuaikan berdasarkan keperluan dan profil pelajar yang pelbagai. Guru harus mengambil kira bakat, minat, kebolehan dan keperluan murid apabila mencipta sebuah stesen pembelajaran. Aktiviti-aktiviti yang memerlukan pemikiran kritikal dalam sebuah stesen dapat merangsang minat murid, membolehkan murid menghasilkan kerja yang lebih bermutu dan mengaplikasikan informasi di luar stesen pembelajaran itu sendiri.

Sehubungan dengan itu, pembelajaran melalui ICT dapat dilihat sebagai pendekatan yang boleh memberikan motivasi dan keinginan untuk

belajar dalam diri murid. Dalam kajian ini, portal SLS digunakan untuk pelajar berkongsi idea dan memberi maklum balas terhadap idea rakan-rakan mereka. Menurut Fossland (2016) dalam kajiannya, format digital lebih mudah digunakan oleh guru dan pelajar untuk merapatkan jurang pembelajaran dan sekaligus membuat pembelajaran itu lebih aktif. Penggunaan wadah digital untuk memberikan maklum balas semasa atau selepas masa pengajaran juga dapat meningkatkan kesedaran pelajar terhadap sesuatu topik yang dipelajari dan mereka lebih bersedia untuk menghadapi pelajaran seterusnya.

KAEDAH KAJIAN

Stesen Pembelajaran dan portal SLS telah digunakan bagi merangsang pembelajaran murid. Stesen Pembelajaran digunakan untuk menyediakan pelbagai informasi yang berkaitan dengan tajuk karangan. Dengan adanya Stesen Pembelajaran, murid dapat mencungkil informasi, mengumpul idea dan berkolaborasi dengan rakan mereka. Informasi yang disediakan membantu murid memahami objektif mereka mengarang dan isi karangan yang sesuai. Pada masa yang sama, mereka dapat menambah idea yang lebih bermutu semasa mengarang.


Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 24 murid Darjah 5. Murid menjalani pembelajaran selama beberapa minggu. Murid terdiri daripada tahap pada aras kebolehan.

Instrumen Kajian

Kajian ini berpusatkan kepada pembelajaran murid. Guru pula bertindak sebagai pemudah cara. Instrumen kajian berupa Stesen Pembelajaran atau *Learning Station* dan portal SLS. Murid menjalani pembelajaran pengalaman pemerolehan dalam portal SLS. Refleksi murid dan pemerhatian guru digunakan untuk menilai hasil kerja mereka.

Murid lebih bermotivasi untuk mengarang setelah memperoleh pelbagai



informasi di Stesen Pembelajaran yang disediakan. Terdapat tiga aktiviti dalam stesen pembelajaran yang disediakan guru. Aktiviti Stesen Pembelajaran seperti mencari kata adjektif dengan menonton klip video, melakonkan senario yang diberikan berdasarkan peribahasa yang sesuai dan mencari frasa berbunga dan nilai. Selepas itu murid berbincang dan berkongsi idea masing-masing di portal SLS. Selepas ini, mereka lebih bersedia untuk mengarang kerana telah berjaya mengumpul pelbagai informasi seperti kosa kata, kata adjektif, peribahasa dan frasa berbunga serta isi yang sesua dalam karangan mereka. Ternyata, Stesen Pembelajaran dan portal SLS telah memberikan peluang murid belajar secara kendiri dan lebih cekap.

Prosedur Kajian

Strategi yang digunakan bagi tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran murid untuk mengarang. Strategi ini dilakarkan untuk membantu murid membina keyakinan diri untuk menulis karangan yang lebih bermutu dari segi isi cerita.

Penerapan elemen STP dalam pelaksanaan pelajaran dapat dilihat melalui Aspek Pengajaran 14 (AP) Merangsang Minat Pelajar dengan menggunakan Aktiviti Mengajar 1 (AM) Cerita dan Imejan. Selain itu, pengajaran juga melibatkan AP 15 Menggalakkan Pelibatan Pelajar dan AM 2 Teroka, Terlibat and Aplikasi (*Explore, Engage, Apply*). Murid-murid juga diberikan aktiviti yang Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri (AP 23) dengan memainkan peranan sebagai salah satu aktiviti dalam pembelajaran.

Pelajar yang berminat dalam kandungan sesebuah pelajaran akan melibatkan diri dan terangsang secara kendiri untuk belajar di peringkat yang lebih tinggi dan kompleks. Hal ini selaras dengan Falsafah Kurikulum Singapura yang menjelaskan apabila pelajar mendapati pembelajaran itu bermakna, mereka akan terangsang dan tercabar serta bertanggungjawab di atas pembelajaran mereka sendiri. Menurut Sri Endang Kusmaryati (2017), apabila seseorang pelajar berminat terhadap topik yang diajarkan, maka mereka dapat memberikan tumpuan yang lebih baik serta dapat memahami subjek dengan lebih mudah. Di samping itu, pelajar dapat berfikir secara

kritikal, mengaitkan pengetahuan lama dengan yang baharu dan mempelajari sesuatu dengan lebih mendalam.

Ainun Rahmah, Zamri dan Wan Muna Ruzanna (2017) dalam kajian mereka mengatakan bahawa menggalakkan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam kelas penting kerana dapat meningkatkan motivasi dan komitmen pelajar dalam mempelajari topik. Menurut Gibbons (2002), pembelajaran secara kendiri melibatkan guru membimbing murid dalam aktiviti-aktiviti pengajaran serta memberi panduan kepada mereka dalam proses berfikir. Dengan bimbingan dan panduan guru, murid belajar untuk menyelesaikan masalah atau menjawab soalan sendiri. Dengan ini, bukan sahaja objektif pengajaran tercapai, malah pelajar dapat mengenal pasti langkah-langkah yang harus diambil untuk menyelesaikan masalah atau mendapatkan jawapan. Justeru, dapat membentuk murid untuk menjadi lebih berdikari.

Langkah 1

Di Stesen 1, murid akan menonton video tentang seekor pepatung dan meraih beberapa frasa, kosa kata atau Kata Adjektif yang berkaitan dengan pepatung tersebut. Kemudian, mereka juga akan memberikan kosa kata dan Kata Adjektif yang bersesuaian dengan pepatung tersebut. Tujuan ini adalah agar murid dapat menggambarkan rupa dan ciri-ciri seekor pepatung yang terdapat dalam gambar karangan. Murid boleh juga mancatatkan beberapa kosa kata yang sesuai untuk seekor pepatung.

Langkah 2

Di Stesen 2, murid akan melakonkan satu senario yang telah disediakan. Murid-murid diberikan dialog yang mereka harus lakonkan. Senario itu menggambarkan satu peribahasa yang sesuai digunakan dalam tajuk karangan. Murid akan meneka apakah peribahasa yang sesuai dengan senario yang mereka lakonkan. Tiga pilihan peribahasa disediakan dan murid akan memilih satu peribahasa yang sesuai.

Langkah 3



Di Stesen 3, murid akan menonton video berkenaan aktiviti berkebun yang menunjukkan sikap bergotong-royong. Di stesen ini juga, murid akan mempelajari beberapa kosa kata, frasa dan frasa berbunga yang sesuai. Kemudian, mereka harus membincangkan beberapa kosa kata, frasa dan frasa berbunga yang lain yang bersesuaian dengan video tersebut.

Langkah 4

Setelah melakukan aktiviti di tiga Stesen Pembelajaran, murid akan menggunakan portal SLS untuk mencatatkan informasi yang telah mereka kumpulkan di tiga Stesen Pembelajaran yang disediakan. Selain itu, mereka dikehendaki menyusun draf jalan cerita mengikut urutan dari segi permulaan, punca, konflik, penyelesaian dan penutup. Murid akan mencatatkan plot, latar dan watak-watak yang terdapat dalam karangan tersebut. Setelah diberikan masa untuk berkolaberasi dengan rakan di portal SLS, murid akan diberikan masa untuk mengarang.

Prosedur kajian ini mengambil masa beberapa minggu dan peningkatan dalam karangan murid dapat dilihat dari sudut plot dan inti cerita. Murid berpeluang memberikan komen kepada rakan mereka di ruang maya. Mereka juga berpeluang menokok tambah idea yang dihasilkan oleh rakan mereka.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru, murid telah menunjukkan keseronokan semasa mereka melalui proses pembelajaran menggunakan Stesen Pembelajaran. Mereka berbincang dan memberikan pendapat masing-masing. Mereka menunjukkan kerjasama dan sikap positif ini telah berjaya membantu mereka belajar sesama sendiri. Murid yang agak lemah berupaya memberikan idea mereka kerana mereka telah memperoleh informasi secukupnya sebelum memulakan karangan. Keseronokan yang timbul semasa belajar membuat murid kurang tertekan dan ini membantu mereka mencetuskan idea yang lebih baik. Jadual 1 menunjukkan peningkatan markah murid setelah PdP karangan menggunakan Stesen Pembelajaran dan portal SLS.

Jadual 1: Markah Karangan Selepas PdP Menggunakan Stesen Pembelajaran Dan Portal SLS


Murid	Karangan 1	Karangan 2	Karangan 3
A	22	24	25
B	23	26	30
C	22	24	26
D	21	25	28
E	20	24	27
F	20	22	24
G	21	24	28
H	23	25	30
I	24	27	30
J	23	26	29
K	25	26	32

Markah penuh: 40

Analisa refleksi melalui SLS juga menunjukkan bahawa mereka terangsang untuk melakukan aktiviti-aktiviti di tiga Stesen Pembelajaran yang disediakan. Mereka berkongsi informasi dan memberikan pendapat tentang idea-idea yang telah ditaip oleh rakan-rakan di portal SLS. Mereka lebih bersedia dan memahami isi cerita yang akan mereka karang.

Kualiti karangan yang dihasilkan oleh murid juga meningkat (Rajah 1). Murid berjaya mengembangkan plot cerita. Murid mendapat gambaran aktiviti berkebun dan sikap bergotong-royong daripada video yang telah ditonton di salah satu Stesen Pembelajaran.

Rajah 1: Peningkatan Markah Karangan



Namun begitu, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi. Pertama, masa yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti di Stesen Pembelajaran dan SLS memakan masa yang agak panjang. Maka, murid memerlukan masa sekurang-kurangnya beberapa minggu untuk melakukan aktiviti-aktiviti serta menyelesaikan teks karangan. Bagi murid-murid yang tidak mempunyai komputer dan internet di rumah, mereka tidak dapat menghasilkan tugas ini dalam masa yang diperuntukkan. Selain itu, bahan-bahan video yang berkaitan dengan serangga dalam bahasa Melayu agak sukar didapati di internet.

KESIMPULAN

Kesimpulan dari kajian ini ialah murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. Murid lebih teruja kerana dapat mempelajari secara kendiri dan mengumpulkan maklumat melalui Stesen Pembelajaran dan beberapa aktiviti kolaborasi sebelum mereka mula mengarang.

Kajian ini telah mencapai objektifnya kerana telah berjaya meningkatkan keupayaan murid dalam kemahiran mengarang. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa penggunaan Stesen Pembelajaran dan SLS amat berkesan dalam memupuk minat murid untuk mengarang.

Pada masa hadapan, guru akan memperbaik strategi pembelajaran karangan dengan menerokai cara-cara lain yang boleh menimbulkan minat murid dan membantu murid memperolehi informasi sebelum mengarang. Pastinya dengan cara ini, murid akan lebih bersedia meluahkan isi-isi cerita yang sesuai dan lebih menarik.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Sarifah Hassan

RUJUKAN

- Ainun Rahmah Ibrahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 7(2), 77-88. ISSN: 2180 – 4842.
- Cosgrove, M. S. (1992). Inside Learning Centers. Dipetik pada 13 November 2019 dari pangkalan data ERIC.
- Gibbons, M. (2002). *The self-directed learning handbook: Challenging adolescent students to excel*. San Francisco, CA: Jossey-Bass Fossland, T. (2016). *Stories of technology-enhancement in higher education – a critical approach*. Centre for Teaching, Learning and Technology/ Result melalui lelaman:<http://journals.hioa.no/index>.
- Pellegrino, J.W. (2007). Professional Development in Integrating Technology Into Teaching and Learning: Knowns, Unknowns, and Ways to Pursue Better Questions and Answers. Dipetik pada 13 November 2019 dari <https://journals.sagepub.com>
- Pusat Bahasa Melayu Singapura. (2018). *Amalan Pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Schweitzer, J. (2018). The Use of Learning Stations as a Strategy for Teaching Concepts by Active-Learning Methods. *Journal of Geological Education*, 43, 366 370.
- Sri Endang Kusmaryati. (2017). “Exploring Students Interest in Learning English (A Descriptive Study in Elementary Schools in Kudus”’. The 2nd TEYLIN International Conference Proceedings. Indonesia. April 184-191.

